

2 beradik dijel, didenda RM50,000

8 Oktober 2019

Rasuah polis tidak ambil tindakan kesalahan memiliki daun ketum

2 beradik dijel, didenda RM50,000



WAN MOHD. FIKRI (tengah) dan adiknya, Wan Mohd. Faizal (kanan) mengaku bersalah merasuah polis di Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam. – Gambar fail

Oleh FIRDAUS HASSAN

KOTA BHARU – Padah menimpa dua beradik apabila mereka dipenjarakan antara setahun dan dua tahun serta didenda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana memberi suapan RM10,000 kepada seorang pegawai polis pada Mei lalu.

Hakim Zaman Mohd. Noor menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh, Wan Mohd. Faizal Wan Marzuki, 31, dan abangnya, Wan Mohd. Fikri, 32, selepas mereka mengaku bersalah atas pertuduhan.

Wan Mohd. Faizal dihukum penjara dua tahun manakala abangnya, Wan

Mohd. Fikri pula dipenjarakan setahun.

Selain itu, masing-masing didenda RM50,000 atau dikenakan hukuman penjara tambahan selama 15 bulan sekiranya gagal membayar denda itu.

Mahkamah turut mengarahkan kedua-dua tertuduh menjalani hukuman penjara bermula semalam.

Mengikut pertuduhan, Wan Mohd. Faizal didakwa memberi suapan RM10,000 kepada Pegawai Kanan Polis Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA), Kubang Badak, Terengganu, Inspektor Rozaimi Bakhtiar.

Wang itu sebagai dorongan kepada Rozaimi supaya membuat sesuatu berhubung dengan hal ehwal

prinsipalnya untuk tidak mengambil tindakan terhadap tertuduh yang ditahan atas kesalahan memiliki 787 kilogram daun ketum.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Kampung Kedondong, Pasir Mas pada pukul 10 malam, 27 Mei lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, tertuduh, Wan Mohd. Fikri pula didakwa menyediakan wang

RM10,000 untuk diberikan secara rasuah kepada Rozaimi di tempat, tarikh dan waktu yang sama.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 28 (1) (b) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta sama yang membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Adha Amir Yasser Amri manakala kedua-dua tertuduh tidak mewakili peguam.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh dalam rayuannya memohon hukuman dikurangkan kerana perlu menyara keluarga serta ibu mereka.